

# Futsal wanita UTHM muncul juara

BATU PAHAT 27 April - Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) muncul juara Liga Futsal Institusi Pengajian Tinggi (IPT) 2011 Sirkit Selatan kategori wanita yang berlangsung di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Johor Bahru baru-baru ini.

Pegawai Perhubungan Awam UTHM, Shafry Salim berkata, skuad kendalian Osman Abdul Rahman itu menewaskan beberapa pasukan handalan seperti UTM dan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) pada saingan yang cukup sengit.

“Kewibawaan ketua pasukan UTHM, Shasha Hairol Nizam mengemudi pasukan sehingga muncul juara turut meyakinkan panel kejohanan untuk memilihnya sebagai pemain terbaik bagi kategori wanita,” katanya dalam kenyataan di sini.